0363

B 0486 BAH

MAHATHIR-PENEROKA

TANJUNG MALIM, 19 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PARA PENEROKA FELDA SUPAYA BERHATI-HATI TERHADAP GOLONGAN YANG CUBA MENGAPI-APIKAN MEREKA SUPAYA MENENTANG KERAJAAN.

KATANYA, GOLONGAN INI AKAN DATANG KE TANAH-TANAH RANCANGAN FELDA SERTA MEMBAWA PENGARUH BURUK BERTUJUAN UNTUK MEMECAHBELAHKAN PENEROKA-PENEROKA FELDA.

+MEREKA INI AKAN DATANG DAN BERHATI-HATILAH SUPAYA MEREKA TIDAK MEMBAWA PENGARUH BURUK MEREKA HINGGA PENEROKA FELDA JUGA AKAN TERBAHAGI KEPADA FELDA A DAN FELDA B DAN SEBAGAINYA.

+INI ADALAH TIDAK SIHAT, KALAU KITA SEMUA A INILAH YANG TERBAIK SEKALI. JANGAN ADA SEKERAT PUN B,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP PADA KIRA-KIRA 1,300 PENEROKA KETIKA MELAWAT TANAH RANCANGAN FELDA SEDANGGA, KIRA-KIRA 23 KM DARI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR ADALAH DALAM LAWATAN KE DAERAH ULU SELANGOR YANG MERUPAKAN SIRI PERTAMA DALAM SIRI LAWATANNYA KE SELURUH DAERAH DI NEGARA INI. --LAGI

1237MST 19 12 88

0578

R 8492 BAH

MAHATHIR-PENEROKA 2 TANJUNG MALIM

KATA PERDANA MENTERI LAGI GULONGAN YANG DATANG ITU TIDAK AKAN RUGI APA-APA KERANA MEREKA BERBUAT DEMIKIAN SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI.

+MEREKA HENDAK SOKONGAN DARIPADA KITA (PENEROKA) TETAPI KALAU KITA SALAH LANGKAH, YANG AKAN RUGI IALAH KITA DAN MEREKA AKAN PERGI KELAIN TEMPAT UNTUK HIDUP BAHAGIA DENGAN KEKAYAAN YANG BERLEBIH-LEBIHAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG TIBA DISINI DENGAN HELIKOPTER DARI KUALA KUBU BARU BERKATA SEKIM FELDA LAHIR DARIPADA KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP RAKYATNYA SERTA INGIN MENINGKATKAN TARAF HIDUP MEREKA.

JIKA KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, KATANYA, SEKIM SEUMPAMA ITU TENTU TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN.

BELIAU SETERUSNYA MEMUJI SIKAP PENEROKA YANG MENYAMBUT BAIK TERHADAP SEKIM ITU. HASIL SAMBUTAN ITULAH, KATANYA, KIRA-KIRA 2 JUTA EKAR TANAH SUDAH DIBUKA DAN DITANAMI DENGAN BERBAGAI TANAMAN.

+INILAH ESTET TERBESAR SEKALI DALAM DUNIA,+ KATANYA DISAMBUT DENGAN TEPUKAN.

KEJAYAAN FELDA PADA HARI INI, KATANYA, BUKAN SAHAJA BERGANTUNG KEPADA PENGURUSAN YANG BAIK TETAPI KEPADA SIKAP PENEROKA-PENEROKA SENDIRI..

+JIKA MEREKA (PENEROKA) BERTENANG, MENGIKUT PERATURAN SERTA RAJIN BERKERJA, TENTU AKAN BERJAYA LAGI. --LAGI

1343MST 19 12 88

0580

R 8493 BAH

MAHATHIR-PENEROKA 3 TANJUNG MALIM

+FELDA BERJAYA HARI INI KERANA PENEROKA-PENEROKA TELAH BERUSAHA DENGAN GIGIH, PENDUDUK-PENDUDUK DI RANCANGAN FELDA MENDAPAT KEHIDUPAN LEBIH BAIK DIBANDINGKAN SEMASA MEREKA TINGGAL DI KAMPUNG ASAL MEREKA+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH SOAL PEMBERIAN SEMULA HAKMILIK TANAH PERSENDIRIAN KEPADA PENEROKA-PENEROKA SEPERTI YANG DIUMUMKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA PADA PERSIDANGAN AGUNG UMNO LEPAS.

BELIAU BERHARAP PENEROKA-PENEROKA AKAN BERKERJA LEBIH KUAT LAGI DALAM MENJAYAKAN TANAH MEREKA SETELAH SISTEM HAKMILIK TANAH ITU DILAKSANAKAN.

MENGENAI PENGELUARAN HASIL KRAFTANGAN DI TANAH RANCANGAN FELDA, KATANYA MASIH BANYAK HALANGAN YANG PERLU DIATASI BAGI MENINGKATKAN LAGI PENGELUARAN DAN MUTUNYA.

KATANYA, BELIAU BANGGA DENGAN HASIL-HASIL KRAFTANGAN YANG DIKELUARKAN OLEH PENEROKA TETAPI PENGELUARANNYA HARUS LEBIH TERSUSUN SERBA BERMUTU SUPAYA DAPAT DIBEKALKAN KE LUAR NEGERI DENGAN JAYANYA.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN DIIRINGI OLEH MENTRI BESAR SELANGOR DATUK MUHAMMAD BIN HAJI MUHAMMAD TAIB DAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA TAN SRI SALLEHUDDIN MOHAMED MELAWAT KE PUSAT KRAFTANGAN DAN RUMAH PENEROKA.

PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA KEMUDIAN BERLEPAS KE BATANG KALI DENGAN HELIKOPTER. -- BERNAMA

1351MST 19 12 88